



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KIT PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2021





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KIT PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2021

Terbitan 2021

©Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4 & 6-8, Blok E9, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

Terbitan:

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 & 6-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



KANDUNGAN

MUKA SURAT

Rukun Negara	vii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	viii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	ix
Kata Alu-aluan	xi
Pengenalan	1
Peranan dan Tanggungjawab	7
Garis Panduan Persediaan	13
Modul Orientasi	19
Modul PdP	29
Lampiran	
Contoh Aktiviti Suai Kenal	75
Contoh Aktiviti Pembelajaran	79
Contoh Brosur	85



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan (1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 [PU(A)531/97]

KATA ALU-ALUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pandemik COVID-19 telah memberi implikasi terhadap pembelajaran murid kerana kurikulum tidak dapat disampaikan secara bersemuka kepada murid pada semua peringkat persekolahan termasuk prasekolah. Bagi memastikan murid bersedia menghadapi pendidikan pada peringkat sekolah rendah, Program Transisi Tahun Satu 2021 dibangunkan dengan mengambil kira kandungan kurikulum prasekolah yang terkesan dan kandungan kurikulum Tahun Satu.

Program Transisi Tahun Satu 2021 dirangka dengan memberi penekanan terhadap aspek sosioemosi, kognitif dan fizikal murid bagi menyediakan mereka menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri di sekolah rendah.

Program Transisi Tahun Satu 2021 ini diorganisasikan dalam tiga fasa iaitu Fasa Persediaan, Fasa Penyesuaian dan Fasa Kesiapan. Pelaksanaan ketiga-tiga fasa ini memerlukan usaha dan pelibatan semua pihak termasuk pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa/penjaga.

Bagi merealisasikan hasrat program ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Kit Program Transisi Tahun Satu 2021 sebagai panduan dan rujukan kepada pihak yang berkepentingan.

KPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan kit ini.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pengenalan







PENGENALAN

Program Transisi Tahun Satu 2021 merupakan satu program yang dirancang untuk menyediakan murid menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri mereka di sekolah rendah.

Program ini dirancang dengan mengambil kira kandungan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dengan penekanan terhadap aspek sosioemosi, kognitif dan fizikal murid. Program ini diharapkan dapat membantu murid dari pelbagai latar belakang, pengalaman pembelajaran dan perkembangan sosioemosi untuk memulakan proses pembelajaran di Tahun Satu pada tahap perkembangan dan pencapaian yang hampir sama.

Objektif Program Transisi Tahun Satu 2021 ialah:

1. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
2. Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
3. Meningkatkan keyakinan murid dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran.
4. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.

Program transisi diorganisasi dalam 3 fasa iaitu:

1. **Fasa 1: Persediaan**

Fasa persediaan dilaksanakan sebelum sesi persekolahan bermula iaitu pada 11 Januari hingga 19 Januari 2021. Fasa ini penekanan terhadap kesediaan pentadbir, guru, ibu bapa/penjaga, murid dan persekitaran fizikal sebelum sesi persekolahan bermula.

2. Fasa 2: Penyesuaian

Fasa penyesuaian bermula pada 20 Januari hingga 29 Januari 2021 menggunakan Modul Orientasi. Fasa ini bertujuan untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan situasi dan persekitaran sekolah serta membina hubungan baik dengan rakan dan guru.

3. Fasa 3: Kesediaan

Fasa kesediaan bermula pada 1 Februari hingga 25 Mac 2021 menggunakan Modul PdP. Fasa ini bertujuan menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.

Perincian tiga fasa Program Transisi Tahun Satu 2021 dijelaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Fasa Pelaksanaan Program Transisi Tahun Satu 2021

Bagi memastikan Program Transisi Tahun Satu 2021 dilaksanakan sebagaimana yang dihasratkan, pihak pentadbir perlu menjalankan pemantauan ke atas guru yang terlibat dalam program dari semasa dan semasa. Selain daripada itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga memainkan peranan yang penting untuk membantu dan memberi sokongan kepada pihak sekolah. Lawatan kunjung bantu ke sekolah boleh dilaksanakan untuk memantau serta memberi bimbingan kepada guru dan pihak pentadbir. JPN, PPD dan sekolah juga boleh melaksanakan penilaian untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program tersebut.

Peranan dan Tanggungjawab





PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa/penjaga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan program transisi berjalan dengan lancar dan berkesan.



PENTADBIR SEKOLAH

Pihak pentadbir sekolah perlu merancang, melaksana dan memantau perjalanan program transisi. Antara peranan dan tanggungjawab pihak pentadbir adalah seperti berikut:

1. Persediaan Awal

- i. Memahami konsep dan pelaksanaan program transisi
- ii. Memaklumkan program transisi kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/ Lembaga Pengelola Sekolah
- iii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program transisi
- iv. Mengenal pasti guru yang terlibat
- v. Menetapkan jadual waktu
- vi. Memberi taklimat kepada guru sekolah
- vii. Memberi taklimat kepada ibu bapa/penjaga
- viii. Membuat persediaan persekitaran sekolah:
 - Memastikan persekitaran fizikal sekolah yang ceria, kondusif dan selamat
 - Menentukan lokasi kelas yang sesuai dengan mengambil kira faktor keselamatan
 - Menyediakan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dan mengambil kira faktor keselamatan murid
- ix. Merancang pemantauan dan penilaian program termasuk penjadualan dan instrumen

2. Semasa dan Selepas Program

- i. Memastikan program transisi berjalan lancar
- ii. Memberi sokongan dan bimbingan kepada guru yang melaksanakan program transisi
- iii. Melaksanakan pemantauan dan penilaian program serta menyediakan pelaporan



Kejayaan program transisi bergantung kepada keupayaan guru merancang dan melaksanakan setiap aktiviti. Antara perkara yang perlu diberi penekanan dan dilaksanakan oleh guru ialah:

1. Memahami konsep dan pelaksanaan program transisi
2. Berbincang dan merancang pelaksanaan program dengan guru yang terlibat
3. Merancang dan melaksanakan Modul Orientasi dan Modul PdP menggunakan strategi atau kaedah yang bersesuaian
4. Mengenal dan membina hubungan mesra dengan murid di dalam kelas
5. Memahami budaya pembelajaran prasekolah
6. Mengetahui tahap perkembangan dan kepelbagaian individu untuk membantu murid mengikuti pembelajaran seterusnya
7. Menyediakan persekitaran kelas yang bersih, kondusif dan selamat
8. Menyediakan ruang pembelajaran seperti sudut bacaan, sudut hasil kerja murid dan papan maklumat
9. Melaksanakan pentaksiran dari aspek penyesuaian diri, sikap terhadap pembelajaran serta penguasaan literasi dan numerasi awal
10. Berkomunikasi dengan ibu bapa/penjaga dari semasa ke semasa
11. Berbincang dengan ibu bapa/penjaga sekiranya murid mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas untuk tindakan selanjutnya





IBU BAPA/PENJAGA

Ibu bapa/penjaga memainkan peranan penting untuk membantu anak mereka dalam proses transisi dari rumah/prasekolah ke Tahun Satu. Antara perkara yang perlu diberi penekanan dan dilaksanakan oleh ibu bapa/penjaga ialah:

1. Menyediakan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal
2. Memberi dorongan dan gambaran positif tentang pembelajaran di Tahun Satu
3. Memerhati tingkah laku, perkembangan dan pembelajaran anak secara berterusan serta mengambil tindakan yang sesuai
4. Membantu meningkatkan keyakinan anak dalam pembelajaran dari semasa ke semasa
5. Mengadakan interaksi dengan guru tentang perkembangan anak mereka dari semasa ke semasa
6. Memastikan kelengkapan pembelajaran seperti alat tulis, buku dan pakaian disediakan
7. Memberi komitmen dan mengikuti perkembangan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak sekolah



Garis Panduan Persediaan





GARIS PANDUAN PERSEDIAAN

Fasa 1 iaitu Fasa Persediaan memberi fokus terhadap kesediaan pentadbir, guru, ibu bapa/penjaga, murid dan persekitaran fizikal sekolah sebelum sesi persekolahan bermula.

1. Pentadbir

Sebelum sesi persekolahan bermula, pentadbir perlu membuat persediaan dari aspek pengurusan serta pemantauan dan penilaian seperti berikut:

- i. Pengetahuan dan pemahaman tentang Program Transisi Tahun Satu 2021
- ii. Perbincangan dengan guru prasekolah
- iii. Perbincangan dan penyelarasan program transisi dengan guru yang terlibat
- iv. Pemilihan guru
- v. Kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/Lembaga Pengelola Sekolah
- vi. Taklimat kepada ibu bapa/penjaga
- vii. Pemantauan dan penilaian



2. Guru

Guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program transisi terutamanya guru kelas yang dapat membantu murid menyesuaikan diri dengan persekitaran, rakan dan guru baharu dengan lebih mudah. Sehubungan itu, guru perlu melengkapkan diri dengan aspek berikut:

- i. Pengetahuan dan pemahaman tentang Program Transisi Tahun Satu 2021
- ii. Perancangan pelaksanaan program transisi
- iii. Pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak
- iv. Kemahiran mengurus murid

3. Ibu Bapa/Penjaga

Ibu bapa/penjaga merupakan orang yang paling dekat dengan murid. Justeru, pelibatan ibu bapa adalah sangat penting dalam persediaan anak ke Tahun Satu. Persediaan ibu bapa/penjaga adalah seperti berikut:


- i. Persediaan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal
- ii. Persediaan kelengkapan pembelajaran seperti alat tulis, buku dan pakaian
- iii. Bersedia menyokong pembelajaran anak
- iv. Pelibatan dalam aktiviti dan perkembangan sekolah



4. Murid

Kesediaan murid untuk pembelajaran di tahun satu adalah faktor penentu kepada pembelajaran murid seterusnya. Murid perlu bersedia dari aspek penyesuaian diri dan sikap terhadap pembelajaran serta penguasaan literasi dan numerasi awal sebelum hadir ke Tahun Satu. Perincian adalah seperti berikut:


- i. Berupaya mengurus diri
- ii. Minat ke sekolah
- iii. Berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, rakan sebaya dan guru
- iv. Bersikap positif untuk mengikuti pembelajaran
- v. Mempunyai kemahiran asas seperti pratulis, prabaca dan pranombor



5. Persekitaran Fizikal


Pengurusan sekolah perlu memastikan persekitaran fizikal sekolah berada dalam keadaan yang kondusif, bersih dan selamat. Perincian adalah seperti berikut:

- i. Lokasi dan kelas yang sesuai dan selamat.
- ii. Kelas dalam keadaan bersih dan ceria.
- iii. Susun atur kelas di sesuaikan seperti di Rajah 2.
- iv. Peralatan dan perabot kelas sedia ada perlu bersesuaian bagi proses pengajaran dan pembelajaran.



Rajah 2: Susun Atur Kelas

Modul Orientasi





MODUL ORIENTASI

Fasa 2 iaitu Fasa Penyesuaian bertujuan untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan situasi dan persekitaran sekolah yang baharu serta membina hubungan baik dengan rakan dan guru. Modul Orientasi dihasilkan sebagai panduan dan rujukan kepada guru untuk melaksanakan fasa ini.

OBJEKTIF

Objektif Modul Orientasi ialah:

1. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah
2. Membina hubungan baik murid dengan rakan sebaya dan guru
3. Membina keyakinan diri murid untuk berkomunikasi
4. Menggalakkan pelibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul Orientasi ini adalah seperti berikut:

1. Modul Orientasi dilaksanakan pada 20 Januari hingga 29 Januari 2021.
2. Pengisian pada setiap hari merangkumi rutin kelas, perbualan awal, aktiviti fizikal, aktiviti suai kenal, aktiviti pembelajaran dan rehat.
3. Pelaksanaan rutin kelas, perbualan awal dan rehat perlu dilaksanakan oleh guru kelas.
4. Pentaksiran perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan Modul Orientasi.
5. Perancangan aktiviti harian dalam Modul Orientasi haruslah berdasarkan cadangan peruntukan waktu seperti di Jadual 1.

Pengisian	Peruntukan Waktu
Rutin Kelas	30 minit
Perbualan Awal	30 minit
Aktiviti Fizikal	30 minit
Aktiviti Suai Kenal	120 minit
Aktiviti Pembelajaran	60 minit
Rehat	20 minit

Jadual 1: Cadangan Peruntukan Waktu

Perincian berkaitan pengisian dalam peruntukan waktu adalah seperti berikut:

Rutin Kelas

Rutin kelas terdiri daripada aktiviti pengurusan kelas yang dilaksanakan secara tetap. Tujuan diadakan rutin kelas adalah untuk membantu guru mengurus kelas dengan sistematik dan melaksanakan PdP dalam suasana kelas yang kondusif dan selamat. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan semasa rutin kelas adalah seperti berikut:

- ucap selamat
- bacaan doa
- tertib tempat duduk
- ambil kedatangan murid
- membersihkan kelas



Perbualan Awal

Perbualan awal merupakan sesi interaksi mesra antara guru dengan murid. Tujuan perbualan awal untuk menyediakan murid dari aspek mental dan emosi supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran pada hari tersebut dengan lebih berfokus. Antara aktiviti perbualan awal adalah seperti berikut:

- berkongsi idea dan maklumat
- bercerita
- bernyanyi dan membuat gerakan kreatif
- simulasi
- persembahan boneka
- “Jom Baca”

NOTA

Aktiviti “Jom Baca” perlu dilaksanakan pada setiap hari. Tujuan aktiviti ini ialah untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid.



Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal merupakan aktiviti yang melibatkan pergerakan anggota badan dan menggunakan tenaga. Tujuan aktiviti fizikal untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan kesihatan diri. Antara aktiviti fizikal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- bersenam
- bermain
- berjalan
- rekreasi aktif



NOTA

Contoh rekreasi aktif ialah permainan ‘Datuk Harimau’, bermain bola sepak, aktiviti di padang dan sebagainya

Aktiviti Suai Kenal

Aktiviti suai kenal ialah aktiviti yang memberi ruang interaksi dalam kalangan murid dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan persekitaran. Tujuan aktiviti suai kenal untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan rakan dan guru serta persekitaran baharu. Antara aktiviti suai kenal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- memperkenalkan diri
- mengenali guru dan rakan
- mengenali kelas dan sekolah
- mengenali persekitaran sekolah



NOTA

Rujuk Lampiran A

Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pembelajaran merangkumi literasi dan numerasi awal. Tujuan aktiviti pembelajaran untuk memastikan murid menguasai asas literasi dan numerasi sebelum mereka mengikuti pembelajaran seterusnya. Fokus pembelajaran pada sesi ini ialah prabaca, pratulis dan pranombor. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- bernyanyi
- bercerita
- bermain
 - permainan padanan (*matching game*)
 - mencantum *puzzle*
 - bermain doh



NOTA

Rujuk
Lampiran B dan
Lampiran C

Rehat

Waktu rehat diperuntukan untuk murid makan dan minum serta merehatkan minda dan fizikal.



NOTA

Guru perlu berada bersama-sama dengan murid pada waktu rehat untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar.

6. Contoh pelaksanaan aktiviti sehari Modul Orientasi seperti dalam Rajah 3.



RUTIN KELAS

- Ucap selamat
- Bacaan doa
- Tertib tempat duduk
- Mengambil kedatangan
- Membersih dan mengemas kelas

30 minit

PERBUALAN AWAL

- Bernyanyi dan membuat pergerakan mengikut lagu “Kalau Rasa Gembira”
- Aktiviti “Jom Baca”
- Bercerita tentang perasaan
- Bercerita keadaan sekolah
- Persediaan lawatan ke kantin sekolah



30 minit

AKTIVITI PEMBELAJARAN

Literasi Awal

- Menyanyi lagu huruf
- Menyurih abjad



30 minit

AKTIVITI SUAI KENAL

Lawatan Kantin

- Bergerak ke kantin
- Mengenal pasti laluan dan tempat cuci tangan dan makan
- Memahami peraturan kantin
- Berkenalan dengan pekerja



60 minit



AKTIVITI PEMBELAJARAN

30 minit

Numerasi Awal

- Meneroka nombor dan bentuk dalam kelas
- Membentuk simbol nombor menggunakan doh



AKTIVITI FIZIKAL

Permainan mencari harta karun

30 minit

60 minit

AKTIVITI SUAI KENAL

- Berbincang keadaan fizikal, peraturan dan menu
- Menggambarkan "Kantin Idamanku"



20 minit

REHAT

- Cuci tangan
- Bimbingan adab makan



Rajah 3: Contoh Pelaksanaan Aktiviti Sehari

Modul Pdp








MODUL PdP

Fasa ini bertujuan menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya. Modul PdP dihasilkan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam suasana yang bermakna dan menyeronokkan.

Modul PdP ini dibangun berasaskan lima aspek pembelajaran iaitu kognitif; nilai; kreativiti dan estetika; kesejahteraan fizikal dan kesihatan; dan sosioemosi berasaskan pendekatan modular, bersepadu dan bertema. Pelaksanaan modul ini bukan sahaja memerlukan kerjasama semua guru yang terlibat tetapi juga pentadbir sekolah dan ibu bapa/penjaga serta disokong oleh persekitaran sekolah yang memberangsangkan. Kerangka konsep Modul PdP adalah seperti di Rajah 4.



Rajah 4: Kerangka Konsep Modul PdP



OBJEKTIF

Objektif Modul PdP adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan keyakinan murid dalam interaksi sosial dan pembelajaran
2. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya
3. Membentuk sikap positif dalam pembelajaran



PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul PdP adalah seperti berikut:

1. Modul PdP dilaksanakan selepas minggu orientasi iaitu pada 1 Februari hingga 25 Mac 2021.
2. Pengisian fasa ini merangkumi:
 - i. aktiviti PdP secara bertema
 - ii. aktiviti fizikal
3. Tema dan subtema yang terdapat dalam Modul PdP tidak boleh diubah tetapi cadangan aktiviti boleh diubah suai mengikut tahap perkembangan murid dan konteks sekolah.
4. Aktiviti fizikal harus dilaksanakan dua kali seminggu oleh guru Pendidikan Jasmani.
5. Masa pelaksanaan sesuatu aktiviti bergantung kepada perancangan PdP guru.
6. Pentaksiran perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan Modul PdP.

TEMA DAN SUBTEMA

Modul ini mengandungi empat tema dan tiga belas subtema seperti di Rajah 5.



Rajah 5: Tema dan Subtema Modul PdP



TEMA 1



Kita Jaga Kita

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menerangkan cara jangkitan dan pencegahan COVID-19
2. mengaplikasikan langkah penjagaan keselamatan dan kesihatan diri
3. menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap diri
4. mendengar dan memberi pendapat berdasarkan subtema
5. membaca perkataan/frasa/ayat
6. menulis perkataan/frasa/ayat
7. menzahirkan idea dalam penghasilan lukisan/poster

CADANGAN AKTIVITI

Awas...COVID-19

1. Bersoal jawab dan berbincang berdasarkan gambar yang berkaitan pandemik COVID-19.



2. Menonton video bertajuk “Amalan Penjagaan Kesihatan” <https://www.youtube.com/watch?v=urdsszPsgus> atau mendengar cerita berkaitan pandemik COVID-19. Berbincang dan bersoal jawab tentang video/cerita yang diperdengarkan.




Sumber: Selangor TV

3. Menghasilkan lukisan/poster tentang pandemik COVID-19 secara individu/kumpulan dan berkongsi dengan rakan.

NOTA

- i. Guru boleh membincangkan jenis penyakit lain (berjangkit dan tidak berjangkit).
- ii. Bahan tambahan berkaitan COVID-19:



Mari Cuci Tangan

1. Berbincang tentang kepentingan mencuci tangan dengan cara yang betul.
2. Melaksanakan aktiviti cuci tangan dengan cara yang betul.



Badan Saya Bersih

1. Bercerita tentang kepentingan menjaga kebersihan anggota badan lain seperti gigi, kuku, rambut, telinga dan sebagainya.
2. Bercerita tentang cara memberus gigi dengan betul berdasarkan gambar. Melaksanakan aktiviti menggosok gigi.
3. Membaca dan menyalin/menulis perkataan berkaitan anggota badan.




NOTA

Untuk melaksanakan aktiviti memberus gigi, murid perlu membawa peralatan menggosok gigi sendiri

Saya Pentingkan Kebersihan

1. Memberi pandangan tentang gambar yang ditunjukkan.



2. Berbincang tentang cara dan kepentingan menjaga kebersihan pakaian dan peralatan peribadi seperti kasut, pakaian, stokin, tudung, sapu tangan dan lain-lain.
3. Membaca dan memahami cerita 'Hafiz yang Comot'.



Sumber KKM

4. Menghasilkan buku cerita kecil berkaitan kebersihan pakaian dan peralatan peribadi.

Makanan Pilihanku

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menyatakan kepentingan makanan berkhasiat dan seimbang
2. memperihai dan mengaplikasi langkah keselamatan dan kebersihan semasa menyediakan makanan
3. bertutur dan memberi pendapat dengan yakin
4. menyalin/menulis perkataan/frasa/ayat dengan cara betul
5. membuat pengukuran menggunakan unit bukan piawai/piawai
6. menunjukkan sikap bertanggungjawab dan bekerjasama dalam melaksanakan tugas

CADANGAN AKTIVITI

Jom Pilih Makanan Berkhasiat

1. Bercerita tentang makanan kegemaran masing-masing.
2. Menonton dan berbincang tentang video “Jom Pilih Makanan Berkhasiat”
<https://www.youtube.com/watch?v=43wGBIQMqrl>.




Sumber KKM

3. Berbincang tentang makanan yang berkhasiat dan seimbang.

Jom Cipta Resipi

1. Cari maklumat dari pelbagai sumber berkaitan resipi makanan berkhasiat dan seimbang. Kongsikan maklumat yang diperolehi.
2. Hasilkan resipi makanan berkhasiat dan seimbang yang baharu dengan sukatan serta cara penyediaan.



Mari Kita Masak

1. Bincangkan langkah keselamatan dan kebersihan semasa menyediakan makanan.
2. Sediakan makanan berdasarkan resepi yang dihasilkan dan kongsi hasil masakan dengan rakan.
3. Bercerita pengalaman menyediakan makanan.



Katakan "TIDAK"

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. mengenal pasti sentuhan selamat, tidak selamat dan tidak selesa
2. mengaplikasikan kemahiran berkata "Tidak" kepada sentuhan yang tidak selamat dan tidak selesa
3. mengenali bahagian anggota badan termasuk anggota seksual
4. menyanyi dan melakukan pergerakan kreatif
5. berinteraksi dengan yakin
6. membaca dan memahami cerita
7. menulis perkataan

CADANGAN AKTIVITI

Siapa Saya?

1. Bercerita tentang diri sendiri seperti nama, jantina dan anggota badan.
2. Menyanyikan lagu berkaitan anggota badan sambil menunjuk anggota badan tersebut.

Head, Shoulders, Knees and Toes

Head, shoulders, knees and toes

Knees and toes (2x)

And eyes

And ears


And mouth

And nose

Head, shoulders, knees and toes

knees and toes

3. Lukis dan padankan perkataan anggota badan seperti muka, kepala, tangan, bahu, dada, perut dan kaki.



Badan Saya Kepunyaan Saya

1. Baca buku “Badan Saya Kepunyaan Saya”. Bersoal jawab dan berbincang berkaitan cerita yang dibaca.



Sumber BPK, KPM

2. Kenal pasti anggota seksual lelaki dan perempuan - zakar, faraj, dubur, punggung dan payu dara.
3. Bercerita tentang persamaan dan perbezaan anggota seksual antara kanak-kanak lelaki dan perempuan berdasarkan gambar.
4. Berbincang berdasarkan soalan berikut:
 - i. Bolehkah kamu menunjukkan anggota seksual kepada orang lain? Mengapa?
 - ii. Bolehkah anggota seksual kamu disentuh oleh orang lain? Mengapa?
 - iii. Bolehkah kamu melihat dan menyentuh anggota seksual orang lain?

NOTA

Guru perlu menegaskan kepada murid bahawa:

- i. terdapat anggota badan yang boleh dilihat dan yang tidak boleh dilihat.
- ii. anggota seksual perlu ditutup dengan pakaian dalam.
- iii. anggota seksual tidak boleh dilihat, disentuh dan ditunjuk kepada orang lain.

My Body Is Mine

1. Tonton video bertajuk “Sentuhan Selamat dan Tidak Selamat” <https://www.youtube.com/watch?v=IFn3mkD0tJs&feature=youtu.be> dan bersoal-jawab.



Sumber: Media Wanita IKRAM

2. Berbincang tindakan yang perlu diambil terhadap sentuhan tidak selamat dan tidak selesa.
3. Menyanyikan lagu “*My Body is Mine*” dengan melakukan pergerakan mengikut lirik lagu.

My Body is Mine

My body, it is mine. (hug themselves)

Nobody can touch! (use pointer finger and wag like say, ‘No, No’)

I’ll keep it very safe. (hug themselves)

Won’t let anyone touch. (use pointer finger and wag like say, ‘No, No’)

If anyone does. (use pointer finger to threaten)

I will shout “Hey! You stop!” (like policeman stop traffic)

I will run and tell. (run on the spot)

Mummy, daddy, teacher “Help!”. (raise both hands up and down shout “Help!”)



Skor Lagu



Lagu



Minus one



TEMA 2

1

Ringgit Malaysia

- Duit Oh Duit!
- Main Jual Beli
- Tabung Saya

MARI
FIKIRKAN

2

Siapa Paling Tinggi

- Menara Straw
- Dadu Saya
- Jom Kira

3

Tik Tok Tik Tok

- Apa Saya Buat Hari Ini
- Mari Menyanyi
- Dairi Saya
- Jam Rekaan Saya

Ringgit Malaysia

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menggunakan wang dalam kehidupan harian
2. mengenali nilai mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas
3. menyusun nilai wang mengikut urutan
4. menggunakan kemahiran motor halus dalam pelbagai aktiviti
5. menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula
6. menceritakan dengan yakin hasil kerja sendiri

CADANGAN AKTIVITI

Duit Oh Duit!

1. Kenal pasti pelbagai nilai duit syiling (50 sen, 20 sen, 10 sen dan 5 sen) atau wang kertas (RM 100, RM 50, RM 20, RM 10, RM 5 dan RM 1).



2. Susun duit syiling atau wang kertas mengikut nilai yang paling kecil kepada nilai yang paling besar dan sebaliknya.

Main Jual Beli

1. Tekap duit syiling menggunakan pensel warna dan gunting mengikut bentuk duit syiling.
2. Laksanakan aktiviti simulasi jual beli.

NOTA

Murid boleh menggunakan wang yang dihasilkan untuk melaksanakan simulasi jual beli.

Tabung Saya

1. Hasilkan tabung menggunakan bahan kitar semula. Ceritakan pengalaman menghasilkan tabung tersebut. Simpan wang dalam tabung.



2. Menghasilkan rekod perbelanjaan dan tabungan secara mingguan atau bulanan. Kongsikan dengan rakan.

NOTA

Galakkan murid untuk menyimpan rekod perbelanjaan dan tabungan. Rekod ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa.

Siapa Paling Tinggi?

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menambah dalam lingkungan fakta asas
2. membilang objek
3. menulis dan menyatakan ayat matematik dengan menggunakan simbol (+) dan (=)
4. mengaplikasikan koordinasi mata dan tangan serta kemahiran motor halus

CADANGAN AKTIVITI


Menara Straw

1. Laksanakan aktiviti membina menara straw paling tinggi seperti berikut:
 - i. lemparkan dadu dan bilang titik pada permukaan dadu.
 - ii. masukkan straw ke dalam tiang menara berdasarkan bilangan titik dadu.
 - iii. ulang langkah i dan ii mengikut giliran.
 - iv. menara yang paling tinggi dikira sebagai pemenang.

NOTA


Bahan yang diperlukan:

- i. straw (1 cm)
- ii. lidi sate/buluh sebagai tiang menara (35 cm)
- iii. span bunga sebagai tapak menara (5 cm x 5 cm x 5 cm)
- iv. dadu




Dadu Saya

1. Sediakan lipatan kertas dan hasilkan 2 biji dadu. Lemparkan satu dadu dan padankan bilangan titik pada permukaan dadu dengan simbol nombor.



2. Lempar dua dadu. Tuliskan ayat matematik operasi tambah mengikut bilangan titik pada kedua-dua dadu tersebut. Selesaikan.



$$3 + 5 = 8$$

Tik Tok Tik Tok

OBJEKTIF

Murid dapat:

1. menyatakan waktu dalam sehari
2. menyusun peristiwa mengikut urutan masa
3. menyatakan hari dalam seminggu mengikut urutan
4. menyebut waktu dalam jam menggunakan jam analog
5. menghubungkan waktu dengan peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan dilakukan
6. menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul
7. menyatakan pendapat/idea dengan yakin
8. menulis ayat berdasarkan idea/peristiwa

CADANGAN AKTIVITI

Apa Saya Buat Hari Ini?

1. Nyatakan waktu dalam sehari.
2. Bersoal jawab tentang aktiviti rutin yang dilakukan sehari.
3. Tulis aktiviti yang dijalankan mengikut waktu dalam sehari.


Pagi	Tengah Hari	Petang	Malam

Mari Menyanyi

1. Nyanyi lagu "Hari Ini Hari Apa?" seperti di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=mQ5bF13lItE>. Buat pergerakan kreatif berdasarkan lagu.

Hari Ini Hari Apa?

Ada tujuh hari dalam satu minggu
Hari Ahad Isnin Selasa Rabu
Diikuti Khamis jangan lupa Jumaat
Sehinggalah Sabtu genab tujuh hari
Marilah menyanyi joget suka hati
Lepas hari Ahad hari apa?
Beritahulah saya (2 kali)



Sumber: eduwebtv

2. Hasilkan kalendar.

Diari Saya

1. Bercerita tentang aktiviti yang telah dilakukan bersama-sama ahli keluarga.
2. Hasilkan buku skrap tentang aktiviti yang telah atau akan dilakukan dalam seminggu. Berkongsi buku skrap yang dihasilkan dengan rakan.

Jam Rekaan Saya

1. Bersoal jawab tentang muka jam analog.
2. Hasilkan jam analog daripada bahan kitar semula. Lakukan aktiviti menggunakan jam analog yang dihasilkan.





TEMA 3

DETEKTIF ALAM

1

Misteri Cuaca

- Indahnya Hari Ini
- Roda Cuaca
- Warna-warni
- Pelangi

2

Misteri Alam Rimba

- Jom Kenal Haiwan
- Buku Cerita Saya
- Teroka Haiwan
- Cuba Teka
- Mari ke Zoo

3

Misteri di Taman

- Lihat dan Kenal
- Korek Korek
- Apa Yang Sama

Misteri Cuaca

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menceritakan keadaan cuaca yang berbeza
2. mengenali warna
3. bercerita dan memberi pendapat dengan yakin
4. mengelas objek mengikut satu ciri
5. menyatakan pemerhatian melalui hasil kerja atau secara lisan
6. mengeksplorasi media menggunakan pelbagai warna
7. menghasilkan karya kreatif melalui aktiviti menggambar
8. menulis cerita pendek

CADANGAN AKTIVITI

Indahnya Hari Ini

1. Perhatikan dan bersoal-jawab tentang keadaan cuaca.
2. Perhati dan hasilkan carta cuaca untuk seminggu menggunakan simbol yang sesuai. Ramalkan keadaan cuaca untuk minggu berikutnya.

Contoh:



mendung



hujan




panas

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad

Roda Cuaca






1. Hasilkan roda cuaca. Putarkan roda cuaca dan nyatakan cuaca yang ditunjuk. Nyatakan aktiviti yang sesuai dilakukan pada waktu tersebut.



2. Menggambarkan aktiviti yang sesuai dilakukan berdasar cuaca yang dipilih.

Warna-warni

1. Perhatikan objek yang terdapat di persekitaran. Lukis dan warnakan objek yang diperhatikan pada sekeping kad. Kumpul dan kelaskan kad tersebut mengikut warna.



2. Mari Campur Warna

- Pilih satu warna air dan bancuh.
- Celup span pada warna yang dibancuh dan cap pada kertas (span boleh digantikan dengan kentang, kain, daun dan sebagainya).
- Bancuh satu warna lain dan cap pada tempat yang sama.
- Keringkan kertas. Bincangkan warna baharu yang terhasil.



Pelangi

1. Hasilkan pelangi menggunakan cakera padat.

- Cakera padat diletakkan di bawah cahaya atau di hadapan tingkap.
- Perhatikan warna yang terhasil.



2. Hasilkan pelangi gula-gula.

- Susun gula-gula berwarna di tepi pinggan.
- Tuang air suam ke bahagian tengah pinggan sehingga melepasi paras gula-gula berwarna.
- Perhati dan bincangkan.

3. Lukis dan warnakan pelangi.



NOTA

Penerokaan lanjutan:

- Tambah/kurang bilangan gula-gula berwarna
- Susunan gula-gula berwarna
- Warna gula-gula berwarna digunakan

Misteri Alam Rimba

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:


1. menamakan haiwan dan bahagian tubuh haiwan
2. mengenal pasti tempat tinggal/habitat haiwan
3. mengecam dan meniru bunyi haiwan
4. meniru pergerakan haiwan
5. membuat binaan dan lingkungan mengikut kreativiti
6. membaca bahan bacaan
7. menyalin/menulis ayat

CADANGAN AKTIVITI

Jom Kenal Haiwan

1. Bercerita tentang haiwan yang pernah dilihat/dipelihara.
2. Tonton video tentang haiwan dan bincang tentang haiwan yang terdapat dalam video tersebut.
3. Cari maklumat daripada pelbagai sumber dan buat pengelasan haiwan berdasarkan ciri-ciri tertentu seperti contoh berikut:


Haiwan	Tempat Tinggal	Makanan	Jinak/Liar
Kucing	Rumah	Ikan	Jinak



NOTA

Pengelasan juga boleh dibuat berdasarkan ciri berikut:

- i. jenis darah
- ii. ciri badan
- iii. organ pernafasan
- iv. cara pembiakan








Buku Cerita Saya

1. Baca buku cerita bergambar berkaitan haiwan seperti “Kancil dan Buaya”, “Singa Si Raja Rimba” dan sebagainya. Ceritakan semula buku yang dibaca.
2. Hasilkan buku cerita tentang haiwan. Berkongsi buku cerita yang dihasilkan.




Contoh buku cerita:



Teroka Haiwan

1. Buat pemerhatian ke atas haiwan seperti bahagian tubuh dan warna. Lukis gambar haiwan yang diperhati dan label bahagian tubuh haiwan.



Cuba Teka

1. Kenal pasti bunyi dan pergerakan haiwan.
2. Hasilkan pelbagai bunyi haiwan yang menggambarkan suasana di hutan sambil meniru cara haiwan bergerak.
3. Nyanyikan lagu “Bunyi Haiwan” dengan melakukan pergerakan haiwan tersebut.

Bunyi Haiwan

Saya ayam kok, kok, kok, kok, kok
Saya itik kuek, kuek, kuek, kuek, kuek
Saya burung pit, pit, pit, pit, pit
Kami bunyi kok, kok, kok, kok, kok
Kuek, kuek, kuek, kuek
Pit, pit, pit, pit, pit

NOTA

Guru boleh menambah atau menggantikan bunyi haiwan yang bersesuaian dalam lirik lagu.

Mari ke Zoo

1. Bercerita tentang zoo.



2. Cari maklumat berkaitan zoo daripada pelbagai sumber. Hasilkan risalah.
3. Buat lakaran zoo mini yang akan dibina. Bina zoo mini mengikut kreativiti (zoo mini yang dibina perlu mengambil kira aspek lingkungan). Bercerita tentang zoo mini yang dihasilkan.



Misteri di Taman

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. mengenal pasti bahagian tumbuhan
2. mengecam bentuk segiempat sama, segiempat tepat, segitiga dan bulatan
3. mengenal pasti bentuk dua dimensi yang terdapat di persekitaran
4. membuat pemerhatian menggunakan deria
5. menghasilkan karya seni menggunakan bentuk dua dimensi


CADANGAN AKTIVITI

Lihat dan Kenal

1. Lakukan aktiviti *nature walk*. Perhatikan dan kumpulkan daun daripada pelbagai tumbuhan yang terdapat di persekitaran sekolah. Hasilkan mobail dengan menggunakan daun tersebut.



2. Pilih satu tumbuhan dan buat pemerhatian. Lukiskan tumbuhan tersebut dan label bahagian tumbuhan seperti daun, batang, akar, bunga, buah dan sebagainya. Bersoal jawab tentang ciri-ciri lain pada tumbuhan tersebut.




Korek-korek

1. Teroka benda-benda dalam tanah.
 - i. Ambil sampel tanah dan letakkan di atas kertas sebak.
 - ii. Perhatikan tanah menggunakan kanta pembesar.
 - iii. Asingkan benda-benda yang dijumpai.
 - iv. Rekodkan pemerhatian.

NOTA

Galakkan murid memakai sarung tangan semasa melakukan aktiviti ini.




2. Hasilkan penapis air menggunakan batu dan pasir.

Apa yang Sama?

1. Perhatikan objek di persekitaran sekolah yang mempunyai bentuk segiempat sama, segiempat tepat, segitiga dan bulatan. Rekod pemerhatian dalam jadual berikut:

Bentuk	Objek
	
	
	
	

2. Hasilkan karya seni menggunakan bentuk.





TEMA 4

1

Kita Raikan

- Inilah Malaysiaku
- Mari Hias Kelas
- Wow...Apa Itu?

2

Selamat Hari Lahir

- Gembira di Hari Lahir
- Sambutan Majlis Hari Jadi

3

Jaga Persekitaran Kita

- Poskad Alam
- Oh, Sampah!
- Alat Perkusi Saya
- *Waste To Art*

4

Kita Guna Kita Jaga

- Cuba Teka
- Sekolah Saya Tanggungjawab Saya
- Jalan Raya Milik Semua

**HIDUP
BERSAMA**

Kita Raikan

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. mengetahui pelbagai kaum di Malaysia
2. menyatakan perayaan di Malaysia
3. meluahkan idea dengan yakin
4. menulis perkataan/ayat mudah
5. menghasilkan kraftangan tradisional menggunakan pelbagai bahan



CADANGAN AKTIVITI

Inilah Malaysiaku


1. Bincang sambutan perayaan kaum utama di Malaysia termasuk pakaian, makanan, hiasan dan lain-lain pada masa perayaan.
2. Pilih satu perayaan dan hasilkan buku skrap.

Mari Hias Kelas

1. Sediakan kad ucapan berkaitan satu perayaan kaum.
2. Hasilkan dekorasi perayaan.
3. Hias kelas mengikut perayaan.

Wow... Apa Itu?

1. Kenal pasti kraftangan tradisional seperti tikar mengkuang, tudung saji, batik, songket, tembikar, sape, kalung bunga, tanglung, labu sayong dan kaligrafi. Kumpul maklumat dan hasilkan carta alir proses membuat kraftangan tersebut.



Selamat Hari Lahir

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menamakan bulan dalam setahun
2. menyebut tarikh lahir sendiri
3. bercerita dan memberi pendapat dengan yakin
4. menghasilkan karya seni mengikut kreativiti
5. menyanyi lagu mengikut sebutan yang betul
6. menulis frasa dan ayat mudah

CADANGAN AKTIVITI

Gembira di Hari Lahir

1. Ceritakan pengalaman dan perasaan menyambut hari lahir atau menghadiri majlis hari lahir.
2. Nyanyikan lagu berkaitan bulan dalam setahun.
3. Bersoal jawab tentang tarikh lahir. Tulis nama masing-masing di atas sekeping kertas dan tampal mengikut ruangan bulan kelahiran.

Happy Birthday!		
Januari	Februari	Mac
April	Mei	Jun

Sambutan Majlis Hari Lahir

1. Hasilkan kad hari lahir.
2. Mengadakan majlis hari lahir
 - i. Perbincangan tentang sambutan hari lahir seperti makanan dan minuman
 - ii. Menyediakan kad jemputan
 - iii. Menghias kelas
3. Menyanyi lagu "Selamat Hari Jadi".



Jaga Persekitaran Kita

OBJEKTIF

Objektif subtema ini ialah:

1. menghargai keindahan alam sekitar
2. menghasilkan karya kreatif daripada bahan kitar semula
3. menyanyi dengan sebutan yang betul
4. bermain alat perkusi ciptaan sendiri
5. memberi pendapat dengan yakin
6. menulis ayat mudah

CADANGAN AKTIVITI

Poskad Alam

1. Cari maklumat berkaitan tempat menarik di Malaysia seperti pantai, pulau, taman dan lain-lain. Kongsi maklumat dengan rakan.
2. Bincangkan cara memelihara dan memulihara tempat menarik di Malaysia.
3. Hasilkan poskad tempat menarik yang pernah dilawati dan serah/pos kepada rakan.



Oh, Sampah!

1. Bersoal jawab tentang sisa pepejal (sampah) yang terdapat di persekitaran menggunakan bahan rangsangan seperti gambar/video. Contoh soalan:
 - i. Apa itu sampah?
 - ii. Di mana kita jumpa sampah?
 - iii. Siapa yang buat sampah?
 - iv. Apa yang akan terjadi jika banyak sampah?
2. Hasilkan peta minda tentang pengurusan sisa pepejal. Bentangkan peta minda.




Alat Perkusi Saya

1. Hasilkan alat perkusi daripada bahan kitar semula seperti:
 - i. Marakas – botol plastik, tin, penutup botol, klip minuman tin
 - ii. Dram – tin, kotak



2. Menyanyi lagu “Tanya Sama Sampah” dengan sebutan yang betul menggunakan melodi lagu “Tanya Sama Pokok”. Nyanyi lagu “Tanya Sama Sampah” menggunakan alat perkusi .




Sumber: Modul Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah

Waste To Art

1. *Gallery Walk Waste To Art*

- i. Hasilkan karya seni menggunakan sisa pepejal dengan pelibatan ibu bapa/ penjaga di rumah.
- ii. Rekodkan proses penghasilan karya seni tersebut menggunakan pelbagai media seperti video, gambar, slaid dan sebagainya.
- iii. Bentangkan.



Kita Guna Kita Jaga

OBJEKTIF


Objektif subtema ini ialah:

1. mengenal simbol kemudahan awam dalam komuniti
2. menerangkan kepentingan menjaga kemudahan awam
3. menyatakan cara menjaga kemudahan awam
4. menyatakan tingkah laku selamat dan tidak selamat semasa menggunakan jalan raya
5. membaca dengan lancar
6. menulis dengan betul

CADANGAN AKTIVITI

Cuba Teka

1. Kenal pasti simbol kemudahan awam yang terdapat di persekitaran berdasarkan kad/video.



2. Tulis nama kemudahan awam berdasarkan simbol.
3. Bersoal jawab tentang kepentingan dan cara menjaga kemudahan awam.

Sekolah Saya Tanggungjawab Saya

1. Berbincang tentang kemudahan yang terdapat di sekolah seperti kantin, tandas, padang, perpustakaan dan sebagainya.
2. Bersoal jawab tentang peraturan yang perlu dipatuhi dalam menggunakan kemudahan di sekolah.
3. Hasilkan poster/lukisan berkaitan peraturan kemudahan di sekolah. Kongsi dan pameran poster/lukisan di lokasi yang sesuai.

Jalan Raya Milik Semua

1. Tonton video “Kita Kongsi Jalan Raya”. Bersoal jawab tentang pelbagai jenis kenderaan yang menggunakan jalan raya.



Sumber MIROS

2. Dengar dan cam pelbagai bunyi kenderaan.
3. Bercerita tentang kenderaan yang pernah dinaiki.
4. Menyanyi lagu “Papaku Pulang”.
5. Bina model kenderaan menggunakan bahan kitar semula dengan kerjasama ibu bapa/penjaga.

71

NOTA

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
Prasekolah



Sumber: MIROS






Lampiran



CONTOH AKTIVITI SUAI KENAL

Permainan Bola

1. Letakkan bola ping pong yang bertanda dengan nombor ke dalam kotak.
2. Murid memilih secara rawak bola ping pong tersebut dan menjawab soalan.



Bilangan bola ping pong bergantung kepada bilangan soalan.

Contoh soalan:

- a. Apa haiwan yang anda suka?
- b. Apa warna berus gigi anda?
- c. Apa rancangan TV kegemaran anda?
- d. Berapakah bilangan adik-beradik anda?
- e. Bilakah hari lahir anda?
- f. Anda datang sekolah dengan apa?

Topi Saya!

1. Murid membuat topi pesta dan menghias mengikut kreativiti serta menulis nama mereka.
2. Murid memakai topi yang dihasilkan.
3. Galakkan murid membaca dan menyebut nama pada topi rakan.




Kita Serupa

1. Murid berdiri dalam bulatan.
2. Guru memberi arahan, "Siapa yang pernah ke zoo, kumpul di tengah".
3. Minta beberapa orang murid di tengah bulatan menceritakan pengalaman melawat zoo.
4. Murid kembali ke bulatan.
5. Ulang semula langkah di atas dengan arahan lain seperti:
 - i. "Siapa ada adik lelaki, kumpul di tengah"
 - ii. "Siapa suka bermain bola, kumpul di tengah"

Kapal Terbang Saya

1. Setiap murid diberi sehelai kertas dan diminta menggambarkan diri sendiri (Tidak dibenarkan menulis nama dalam kertas).
2. Murid membuat origami kapal terbang menggunakan kertas tersebut dan meluncurkan ke udara.



3. Setiap murid diminta mengutip satu kapal terbang dan membukanya.
4. Cari rakan berdasarkan gambaran pada kertas tersebut.

Di Mana Saya?


1. Guru meminta murid menunjukkan objek atau individu seperti arahan berikut:
Tunjukkan saya:
 - i. Objek yang berwarna
 - ii. Di mana ... (nama murid)
 - iii. Tempat duduk ... (nama murid)
 - iv. Murid yang memakai cermin mata



CONTOH AKTIVITI PEMBELAJARAN

Telur Pecah

1. Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.
2. Murid bekerjasama dengan rakan untuk memadamkan huruf besar dan huruf kecil .
3. Kumpulan yang paling cepat menghabiskan tugas dan dapat menyebut nama huruf dengan betul dikira sebagai pemenang.



Guru perlu menyediakan set puzzle telur (A-Z) berdasarkan bilangan kumpulan dalam kelas

Doh Huruf

1. Murid membuat doh.
2. Murid membentuk doh menjadi huruf/perkataan.

Resepi doh:

2 cawan tepung gandum
1 cawan garam halus
3 sudu makan minyak masak
1 cawan air
Perwarna makanan

Label Peralatan Kelas

1. Murid berbincang peralatan dalam kelas yang hendak dilabelkan.
2. Murid menghasilkan label peralatan dan meletakkan di tempat tersebut.

Rak Buku Cerita

Penyapu

Sampaikan Pesanan



1. Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.
2. Murid yang pertama dalam barisan memilih kertas yang mengandungi satu ayat daripada kotak secara rawak.
3. Murid perlu membaca dan menghafal ayat tersebut dan menyampaikan kepada murid yang kedua secara berbisik.

**Di sekitar sekolah
saya ada pokok
bunga.**

4. Aktiviti ini akan diteruskan sehingga ke murid yang terakhir dalam kumpulan. Kumpulan yang dapat menghabiskan giliran dengan cepat dan menyebut semula ayat dengan betul dikira sebagai pemenang.

Corak Ikan

1. Murid diberikan gambar ikan.
2. Murid melempar dadu dan melukis satu garisan berdasarkan titik pada permukaan dadu yang diperolehi.
3. Aktiviti ini dilakukan mengikut giliran sehingga selesai.




Carta Jantina Kelas

1. Murid diberi pelekat berwarna merah.
2. Setiap murid meletakkan pelekat mengikut jantina masing-masing pada carta yang disediakan.


Perempuan	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●			
Lelaki	●	●	●	●	●	●	●						

Lebih @ Kurang

1. Guru menunjukkan kumpulan objek dan meminta murid meletakkan objek yang lebih atau kurang daripada kumpulan objek tersebut.




2. Guru menggantikan objek dengan nombor, contohnya nombor 4 dan meminta murid meletakkan nombor "lebih daripada 4" atau "kurang daripada 4".




Mencari Nombor Yang Hilang

1. Murid mengambil batang ais krim secara rawak.
2. Murid mengenal pasti nombor yang hilang pada batang ais krim dan mencari pengepit kain yang ada nombor tersebut.



Ulat Makan Epal

1. Murid memilih kad gambar epal secara rawak dan menyebut nombor pada kad tersebut.
2. Murid membuat lubang pada epal berdasarkan nombor pada kad.



Membuat Rantai

1. Guru menunjuk rantai menggunakan kertas warna yang disusun mengikut pola.
2. Murid mengenal pasti warna dan menceritakan pola rantai tersebut.
3. Murid menghasilkan rantai kertas mengikut pola masing-masing.





CONTOH BROSUR



Tips Tambahan

Bimbing dan latih anak



Mengurus diri

- pakai baju/seluar
- guna tandas
- beli makanan di kantin



Menyesuaikan diri dengan rutin dan jadual harian

- tidur/rehat
- makan



Menjaga kebersihan dan keselamatan



Berinteraksi dan membina hubungan mesra dengan orang lain



Menyampaikan permintaan dan perasaan mengikut situasi



Bertanggungjawab

- kemas beg sekolah
- jaga barang kepunyaan sendiri
- slapkan tugas yang diberi



Maklumat Lanjut



<http://bpk.moe.gov.my>

Hubungi Kami

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Aras 4 & 6-8, Blok E9, Kompleks E
62604 Putrajaya
03-8884 2000



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU

2021



Program Transisi Tahun Satu 2021

Program Transisi Tahun Satu 2021 menyediakan murid menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri untuk memulakan proses pembelajaran di Tahun Satu.



Objektif

- 1 Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
- 2 Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
- 3 Meningkatkan keyakinan dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran murid.
- 4 Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.



Tempoh

20 Januari hingga 25 Mac 2021


Kandungan Program

Modul Orientasi



➔ rutin kelas, perbualan awal, aktiviti fizikal, aktiviti suai kenal, aktiviti pembelajaran dan rehat

Modul PdP



➔ aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bertema dan aktiviti fizikal

Mengambil kira kurikulum Prasekolah dan kurikulum Tahun Satu

Peranan Ibu Bapa/Penjaga

- Memberi dorongan dan gambaran positif tentang pembelajaran pada Tahun Satu.
- Memerhatikan tingkah laku, perkembangan dan pembelajaran anak serta mengambil tindakan yang sesuai.
- Berinteraksi dengan guru dari semasa ke semasa.
- Membantu meningkatkan keyakinan anak dalam pembelajaran.
- Menghadiri taklimat yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
- Melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dan mengambil tahu perkembangan semasa sekolah.
- Menyediakan kelengkapan pembelajaran seperti alat tulis, buku dan pakaian.



Semakin cepat anak menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu, semakin baik pengalaman persekolahan dan pembelajaran mereka



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 4 & 6-8, BLOK E9, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
62604 PUTRAJAYA
TEL:03-8884 2000 FAKS: 03-8888 9917**